

30/03/1998

EON Motoria wajar perluas tawaran harga

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tawaran harga menarik kereta terpakai Proton anjuran EON Motoria Sdn Bhd, boleh menggalakkan orang ramai membeli kenderaan itu, khusus dalam kegawatan ekonomi sekarang.

Perdana Menteri berkata, kereta terpakai EON Motoria bukan saja dijual dengan harga berpatutan, tetapi kualitinya kadangkala lebih kurang sama dengan kenderaan baru.

Sehubungan itu, katanya, penjualan kereta terpakai dengan tawaran harga menarik, wajar diperluaskan.

"Dalam keadaan sekarang ramai berkata mereka tidak mempunyai cukup wang untuk membeli kereta, cara itu boleh menggalakkan orang ramai membelinya," katanya selepas melawat Pameran Auto anjuran EON Motoria di Jalan Ampang, di sini petang ini.

Beliau yang diiringi Pengerusi Eksekutif Kumpulan DRB-Hicom, Datuk Saleh Sulong, menghabiskan masa kira-kira 20 minit melawat kereta terpakai yang dipamerkan kepada orang ramai.

(END)